

3  
- 8 JUL 1989

# Mahathir ambil tiga lagi anak angkat

KUALA LUMPUR 7 Julai — **Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** telah mengambil **tiga lagi** anak angkat yang terdiri dari pelajar • pelajar miskin, kata Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (**MARA**) Datuk **Ismail Said** hari **ini**.

Dengan pengambilan terbaru **ini**, katanya, **Perdana Menteri kini mempunyai lapan** orang anak angkat.

Datuk **Ismail** menambah, beliau tidak menduga sebagai seorang pemimpin yang sentiasa sibuk dengan **tugas - tugas negara**, **Perdana Menteri** masih ada masa 'memelihara' anak angkat.

Beliau berkata demikian kepada **para** pemberita **selepas** majlis penerimaan cek Skim Anak - Anak Angkat Yayasan Pelajaran **MARA** dari Sapura Holdings Sdn. Bhd., dan **MARA Holdings Sdn. Bhd.** di Ibu Pejabat **MARA** di **sini**.

"**Ini** menunjukkan **bahawa Perdana Menteri adalah** seorang yang **sangat • sangat** mengambil **berat tentang** masalah pelajar • pelajar miskin," katanya.

Sambil mengucapkan syabas kepada **Perdana Menteri**, beliau berkata, langkah demikian menjadi pendorong kepada **MARA** untuk meneruskan program **ini**.